

Favelle Favco Berhad dan kumpulan syarikatnya (** sila lihat senarai lengkap syarikat-syarikat di bawah) ("**Kumpulan Favelle Favco**") menghormati privasi anda. Data Peribadi anda akan dianggap dan dipandang serius oleh kami.

Notis Data Peribadi dan Privasi ini dikeluarkan kepada kesemua entiti dan individu yang kami mempunyai transaksi komersil dengannya, selaras dengan kehendak-kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 di Malaysia. Entiti-entiti dan individu-individu tersebut di atas termasuk klien Kumpulan Favelle Favco, perunding, pembekal-pembekal, pembekal perkhidmatan, ejen, sub kontraktor, pekerja, pemohon kerja, pemohon / pelajar biasiswa Favelle Favco Berhad.

Untuk Notis Data Peribadi dan Privasi kepada kategori-kategori yang spesifik kepada entiti- entiti dan individu-individu, sila lihat pautan-pautan di bawah:

Pembekal Perkhidmatan dan Klien

Pemohon Kerja

Pemohon / pelajar biasiswa

Pengumpulan Data & Maklumat Peribadi

Dalam proses pengendalian urusan anda dengan kami, kami mungkin / akan meminta anda untuk memberikan data dan maklumat mengenai diri anda, organisasi anda, pekerja- pekerja anda, ejen-ejen anda, pembekal-pembekal perkhidmatan anda, pelanggan- pelanggan anda dan / atau sebarang individu yang relevan ("Data Peribadi") bagi membolehkan kami bertransaksi dengan anda atau memberikan pelbagai perkhidmatan yang diperlukan dan / atau serahan yang berhubung dengan perniagaan kami.

Data Peribadi termasuk maklumat seperti butir-butir yang terdapat pada kad pengenalan, nama gunaan / panggilan, umur, nombor yang boleh dihubungi, butiran pasport, warganegara, jantina, alamat kediaman, e-mel, tarikh lahir, jawatan, butiran pemegangan saham, butiran akaun bank, pengalaman kerja, penglibatan dalam projek-projek yang lalu, butiran pendidikan, maklumat dalam format audio dan/atau video (termasuk rakaman suara, rakaman video, rakaman kamera litar tertutup ("**CCTV**") atau rakaman keselamatan), imej (termasuk gambar) dll. dan dalam beberapakeadaan, mungkin termasuk maklumat-maklumat sensitif seperti kesihatan fizikal dan

mental, information biometrik, pendapat-pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat sama, perlakuan, tuduhan perlakuan dan / atau dakwaan terhadap sesuatu kesalahan, dandata lain sedemikian yang diperlukan untuk pelaksanaan perkhidmatan kami kepada anda.

Mengapa kami mengumpul Data Peribadi?

Bergantung kepada jenis transaksi komersial di antara anda dengan Kumpulan Favelle Favco, data peribadi yang diberikan oleh anda, wakil dan penasihat yang diberi kuasa, majikan anda, pelanggan dan pihak berkuasa akan dikumpul, diguna atau diproses oleh kami untuk, tetapi tidak terhad, tujuan-tujuan yang berikut (secara kolektif, "Tujuan"):

- (a) untuk pelaksanaan kontrak di antara anda dengan kami;
- (b) untuk memproses, menaksir dan menilai permohonan/ pendaftaran yang dihantar kepada kami;
- (c) untuk penghantaran produk/ perkhidmatan / serahan yang lain yang anda minta;
- (d) untuk memudahkan pembayaran bagi perkhidmatan yang diberi dan juga urusan pentadbiran yang lain;
- (e) tujuan-tujuan yang diperuntukkan secara khususnya dalam sebarang perkhidmatan tertentu atau serahan yang ditawarkan oleh kami;
- (f) simpanan rekod dalaman kami;
- (g) untuk mendapatkan nasihat undang-undang atau menguatkuasakan hak undang-undang;
- (h) kontrak pengambilan pekerja-pekerja dan kakitangan;
- (i) mengendalikan latihan dan program-program kesedaran, aktiviti-aktiviti promosi klien, pemasaran dan aktiviti-aktiviti memprofil klien berkaitan perkhidmatan-perkhidmatan kami dan serahan yang sehubungan dengannya;

- (j) memenuhi sebarang syarat undang-undang atau regulatori berhubung peruntukan perkhidmatan kami dan serahan, dan untuk membuat pendedahan di bawah syarat-syarat sebarang undang-undang yang boleh dipakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, kod yang boleh dipakai oleh kami;
- (k) membolehkan kami menghubungi anda dan mengirim maklumat kepada anda melalui e-mel, cara telekomunikasi (panggilan-panggilan telefon atau pesanan- pesanan teks) atau media sosial mengenai produk-produk dan perkhidmatan- perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga yang tertentu yang kami berpendapat mungkin akan menarik minat anda; dan
- (l) kepada pemegang saham yang meminta maklumat atau dokumen lanjut seperti laporan tahunan atau menghadiri acara atau mesyuarat agung

Apakah kesan yang akan / mungkin timbul akibat kegagalan untuk memberikan Data Peribadi?

Kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi yang sedemikian akan / mungkin menyebabkan kami tidak dapat:-

- (a) meneruskan kontrak di antara anda dengan Kumpulan Favelle Favco;
- (b) memproses/ menaksir/ menilai permohonan / pendaftaran anda;
- (c) menghubungi anda di masa hadapan;
- (d) membekalkan perkhidmatan / produk yang anda minta; dan
- (e) mengemaskini butiran-butiran perkhidmatan, serahan dan / atau pelancaran kami kepada anda.

Pendedahan

Data Peribadi yang diberikan kepada kami akan secara umumnya dirahsiakan. Akan tetapi,

dalam sesetengah keadaan, kami mungkin akan mendedahkan Data Peribadi kepada kategori pihak yang lain, bergantung kepada jenis transaksi komersial di antara anda dengan Kumpulan Favelle Favco. Contoh kategori pihak-pihak tersebut adalah:

- (a) mana-mana pihak yang kami terpaksa atau dikehendaki mendedahkan di bawah undang-undang, peraturan, perintah mahkamah dan sebagainya;
- (b) agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkuasa statutori dan regulator-regulator industri;
- (c) juru audit kami, perunding, akauntan, penanggung insurans, peguam atau penasihat kewangan atau professional lain;
- (d) sub-kontraktor kami atau pembekal-pembekal produk atau perkhidmatan pihak ketiga, rakan kongsi perniagaan kami, pelanggan kami seperti mana yang mungkin akan ditentukan sebagai perlu atau wajar.
- (e) Mana-mana orang yang diberitahu dan diberikuasa oleh anda
- (f) Institusi kewangan;
- (g) pembeli bakal sekiranya berlaku pemerolehan/penggabungan/pelupusan aset; dan
- (h) Kumpulan Favelle Favco (** sila lihat senarai lengkap syarikat-syarikat di bawah)

Perlindungan

Kami akan menyimpan dan memproses Data Peribadi anda dengan cara yang selamat. Kami berusaha, di mana ianya boleh dipraktik, untuk melaksanakan perlindungan keselamatan dan pentadbiran yang sewajarnya serta prosedur-prosedur menurut undang-undang yang berkaitpaut dan peraturan untuk mencegah penggunaan yang tidak dibenarkan atau yang salah di sisi undang-undang bagi Data Peribadi dan kehilangan atau pemusnahan secara tidak sengaja terhadap, atau kerosakan pada, Data Peribadi yang sedemikian.

Pemindahan dan Pekongsian Data

Di mana kami anggap sebagai perlu atau wajar untuk tujuan penyimpanan data atau pemprosesan atau memberikan sebarang perkhidmatan atau serahan bagi pihak kami kepada anda, kami boleh memindahkan Data Peribadi kepada perkhidmatan pihak ketiga / pembekal-pembekal produk atau kepada Kumpulan Favelle Favco, di dalam atau di luar negara, di bawah

keadaan kerahsiaan dan tahap perlindungan keselamatan yang sama.

Hak anda bagi Akses dan Pembetulan

Anda mempunyai hak untuk meminta akses dan membuat pembetulan kepada Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan berhubung dengan hal ini, anda boleh:

- (a) menyemak sama ada kami telah memegang atau mengguna Data Peribadi yang sedemikian dan meminta akses kepada data yang sedemikian;
- (b) meminta supaya kami membetulkan sebarang Data Peribadi yang tidak betul, tidak lengkap atau tidak dikemaskini;
- (c) meminta supaya kami menentukan atau menerangkan dasar serta prosedur berhubung data dan jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami.

Permintaan bertulis untuk mendapat akses kepada Data Peribadi atau pembetulan Data Peribadi atau untuk mendapat maklumat berhubung dasar dan prosedur serta jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami boleh dibuat kepada:

Pengurus PDPA, Favelle Favco Berhad

Alamat : Lot 586, 2nd Mile, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang, Selangor Darul Ehsan

Telefon : +603 3349 5465

Faks : +603 3342 9807

Emel : pdpa@favellefavco.com.my

Kami akan menyimpan data peribadi anda selagi yang semunasabahnya perlu untuk memenuhi tujuan yang kami kumpulkan, termasuk untuk sebarang keperluan operasi, undang-undang, pengawalseliaan, cukai, perakaunan atau pelaporan.

Persetujuan Pihak Ketiga

Sekiranya anda telah membekalkan data peribadi pihak ketiga (contohnya, orang hubungan kecemasan anda, penyewa, wakil-wakil yang diberikan kuasa, kontraktor, peguam, ahli

kewangan) kepada kami, kami bergantung kepada anda untuk memperoleh dengan secukupnya terlebih dahulu persetujuan pihak ketiga tersebut untuk membolehkan kami untuk memproses data peribadi mereka berkenaan tujuan tersebut.

Perubahan Dasar Privasi Kami

Kami berhak untuk meminda Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu. Kami menasihatkan anda supaya menyemak Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa.

Selaras dengan akta perlindungan data peribadi, Notis Privasi ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

****Senarai Kumpulan Syarikat Favelle Favco:**

- 1 *Favelle Favco Cranes (M) Sdn Bhd*
- 2 *Favelle Favco Cranes Pte. Ltd.*
- 3 *Favelle Favco Cranes (USA), Inc.*
- 4 *Favelle Favco Cranes Pty. Limited*
- 5 *FF Management Pty. Limited*
- 6 *Milperra Blasting and Coating Pty. Limited*
- 7 *Krøll Cranes A/S*
- 8 *FES Equipment Services Sdn Bhd*
- 9 *Favelle Favco Winches Pte Ltd*
- 10 *Shanghai Favco Engineering Machinery Manufacturing Co., Ltd*
- 11 *Favco Offshores Sdn Bhd*
- 12 *Favelle Favco Machinery And Equipment L.L.C*
- 13 *Favco Heavy Industry (Changshu) Co., Ltd.*
(Formerly Known As Favco Equipment (Shanghai) Co., Ltd.
- 14 *Exact Automation Sdn Bhd*
- 15 *Sedia Teguh Sdn Bhd*
- 16 *Exact Analytical Sdn Bhd*
- 17 *Strata Niaga Sdn Bhd*
- 18 *Strata Niaga (B) Sdn Bhd*